



**MEDIA ONLINE /  
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

**17 OKTOBER 2017**

**Disediakanoleh : Unit Komunikasi Korporat**

## ISU : LAWATAN TPM DAN MENTERI KSM KE KEM PELARIAN ROHINGYA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	17 OKTOBER 2017 (SELASA)	<b>UTUSAN MALAYSIA</b> Hospital medan ATM ditubuh  <b>HARIAN METRO</b> Bina hospital medan  <b>BERITA HARIAN</b> RM3.5 juta bina hospital di Kutupalong	<b>TPM</b>  <b>MENTERI KSM</b>

### AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

#### Hospital medan ATM ditubuh

**COX'S BAZAR** - Hospital Medan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang bakal dibina dengan kos RM3.5 juta di Kem Pelarian Kutupalong, Ukhiya dekat sini, turut membuka peluang kepada semua doktor, pembantu perubatan dan jururawat untuk menabur bakti.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan menggalakkan mereka mendaftar dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang bertindak selaku koordinator bagi menyusun jadual dan giliran berkhidmat di hospital medan. Katanya, Perdana Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina telah memberikan kelulusan kepada kerajaan Malaysia khususnya Kor Perubatan Diraja ATM dan Kementerian Kesihatan untuk membina hospital medan yang dilengkapi 50 buah katil dan 35 anggota perubatan pada satu-satu masa. "Kita sedang menunggu prosedur yang ditentukan oleh kerajaan Bangladesh untuk membenarkan pembinaan hospital itu.

"Insya-Allah dalam tempoh sebulan, hospital medan itu akan beroperasi sepenuhnya, pihak Kementerian Kesihatan juga bersama-sama untuk membantu dari segi kepakaran doktor-doktor, jururawat serta pembantu perubatan yang akan berada di sini," katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita Malaysia dan Bangladesh sewaktu melawat Kem Pelarian Kutupalong hari ini. Dalam kunjungan lebih sejam itu, Ahmad Zahid diiringi Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Jaem dan Ketua Pengarah MKN, Tan Sri Zulkifeli Mohd Zain.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata, dalam kunjungannya, beliau turut membawa bantuan wang tunai sebanyak RM420,000 yang disumbangkan oleh seorang dermawan untuk disalurkan kepada lima pertubuhan bukan kerajaan (NGO) besar dari Malaysia yang kini aktif membantu pelarian Rohingya. Dengan cara itu katanya, NGO terbabit boleh melakukan koordinasi untuk membeli barangan keperluan pelarian Rohingya. "Hal ini kerana dari segi makanan saya tengok World Food Program Pertubuhan Bangsa-Bangsa (PBB) telah ada, dari segi perubatan ada International Organization for Migration (IOM).

"Malaysia antara negara terawal menghantar bantuan untuk pelarian Rohingya di Cox's Bazar, khususnya di Kem Kutupalong dan kita telah menghantar sekurang-kurangnya tiga kali bantuan makanan dan keperluan yang lain," katanya. Ditanya mengenai langkah-langkah jangka panjang Malaysia untuk membantu menangani krisis kemanusiaan etnik Rohingya, Ahmad Zahid berkata, beliau telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar Bangladesh, Abul Hassan Mahmud Ali di Dhaka, semalam. "Ini bagi membantu Malaysia, Bangladesh, negara-negara lain dan organisasi antarabangsa memuktamadkan masalah berkenaan," katanya.

## AKHBAR : HARIAN METRO

### Bina hospital medan

Cox's Bazar, Bangladesh: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan sebuah hospital medan bernilai RM3.5 juta akan dibina di kem pelarian Kutupalong bagi memberi rawatan kesihatan kepada pelarian Rohingya, di sini. Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia menunggu prosedur ditetapkan kerajaan Bangladesh walaupun kebenaran diperoleh daripada Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina yang diserahkan menerusi Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh di Kuala Lumpur. "Kerajaan Malaysia melalui Kor Perubatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan membina hospital medan yang boleh memuatkan 50 pesakit," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melawat kem berkenaan yang turut disertai Ketua Pengarah MKN Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin, semalam. Menurutnya, Kementerian Kesihatan turut sama membantu menyediakan 35 kepakaran merangkumi doktor, jururawat serta pembantu perubatan yang berada, di sini. "Kita menggalakkan individu sama ada jururawat, doktor, pembantu hospital berdaftar dengan MKN yang akan menyelaras kedatangan doktor ini untuk datang ke Cox's Bazar membantu hospital ini apabila beroperasi kelak," katanya. Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Zahid mengakui kem pelarian Rohingya di Kutupalong, di sini, terlalu daif berbanding kem pelarian yang pernah beliau lawat di negara lain sebelum ini.

"Ini bukan lawatan pertama saya ke kem pelarian. Saya sudah melawat kem pelarian di beberapa negara seperti kem pelarian Palestin di Asia Barat. "Keadaan di sini lebih daif pada hemat saya dan ia bukan kerana masalah agama. Kita lihat Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Richard Riot Jaem beragama Kristian, tetapi prihatin bersama saya kerana ini bukan soal agama, tetapi kemanusiaan," katanya. Ahmad Zahid berkata, justeru keadaan di sini terlalu daif, dia mengajak rakyat Malaysia menghulur bantuan.

"Bantuan diselaras Majlis Keselamatan Negara (MKN), jadi saya tidak fikir derma ini tidak sampai kepada pihak sepatutnya. "MKN akan pastikan bantuan sampai kepada golongan sasar," katanya. Ahmad Zahid antara pemimpin tertinggi ASEAN yang melawat kem pelarian di Kutupalong yang menempatkan lebih 500,000 pelarian Rohingya. Timbalan Perdana Menteri kemudian melawat Masjid Baitul Sallah di selatan Kuthubdia yang dibina *MyCorps* serta memberi sumbangan RM20,000 kepada jawatankuasa pengelola masjid.

Beliau turut mengimamkan solat Zuhur di masjid itu berbesar hati dengan seorang penderma yang sudi menyumbang RM420,000 kepada lima pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari Malaysia. "Lima NGO itu komited membantu pelarian Rohingya, di sini. Agihan sumbangan diselaras MKN supaya NGO dari Malaysia dapat memberi barang keperluan. "Ini kerana sumbangan makanan diuruskan Program Makanan Dunia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Migrasi Dunia (IOM)," katanya.

## AKHBAR : BERITA HARIAN

### RM3.5 juta bina hospital di Kutupalong

**COX'S BAZAR :** Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, sebuah hospital medan bernilai RM3.5 juta akan dibina di kem pelarian Kutupalong bagi memberi rawatan kesihatan kepada pelarian Rohingya, di sini. Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia sedang menunggu prosedur yang ditetapkan kerajaan Bangladesh walaupun kebenaran sudah diperoleh daripada Perdana Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina yang diserahkan menerusi Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh di Kuala Lumpur.

"Kerajaan Malaysia melalui Kor Perubatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan membina sebuah hospital medan yang boleh memuatkan 50 orang pesakit. "Kementerian Kesihatan akan bersama-sama untuk membantu dari segi (menyediakan) 35 kepakaran merangkumi doktor, jururawat serta pembantu perubatan yang akan berada di sini.

"Kita juga menggalakkan individu sama ada jururawat, doktor, pembantu hospital untuk berdaftar dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang akan menyelaras kedatangan doktor ini untuk datang ke Cox's Bazar ini untuk membantu di hospital ini apabila siap nanti," katanya.

Beliau berkata pada sidang media selepas meluangkan masa selama satu jam melawat kem pelarian Rohingya di sini, hari ini. Yang turut mengiringi beliau ialah Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Jaem dan Ketua Pengarah MKN, Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin.

**ISU: Employment Insurance System (EIS).**

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	17 OKTOBER 2017 (SELASA)	<p><b>FREE MALAYSIA TODAY</b> MEF says Riot gave misleading account of insurance payout</p> <p><b>FREE MALAYSIA TODAY</b> PSM tells Minister not to be cowed by employees over EIS</p>	<p><b>MEF</b></p> <p><b>PERKESO</b></p> <p><b>PSM</b></p>

**AKHBAR: FREE MALAYSIA TODAY**

**MEF says Riot gave misleading account of insurance payout**

**MEF executive director says minister Richard Riot Jaem did not give the whole picture of what was discussed about the Employment Insurance System (EIS).**



**PETALING JAYA:** The Malaysian Employers Federation (MEF) says the human resources minister has given a "misleading statement" about the Employment Insurance System (EIS) payout to employees who are terminated or retrenched. Richard Riot Jaem had said it was disappointing that employers were still opposing the EIS despite the monthly contribution rate lowered from 0.5% to 0.2%, which would be contributed equally by employers and employees. But MEF's executive director Shamsuddin Bardan said the minister had not given the whole picture of what was discussed in the meeting with Second Finance Minister Johari Abdul Ghani on Aug 10.

"It was agreed in principle, the EIS is only applicable to employees that are terminated or retrenched but not paid retrenchment or termination benefits." What the minister said in his statement was that the EIS was on top of the termination or retrenchment benefits, meaning that an employee is paid termination or retrenchment benefits by the employer and still collects the EIS." Shamsuddin said this was not part of the agreement reached at the meeting with Johari and Riot.

"What was agreed in the meeting was that the EIS was only applicable if the employee was retrenched but not paid termination or retrenchment benefits." Only in these cases would the EIS be

applicable, and the employee can be paid up to three months' wages. That is all. "The EIS will not cover job matching, job training or retraining as this is done by the 1MOC (1Malaysia Outplacement Centre). This is why we agreed to collect 0.2% as the employees' contribution."

Shamsuddin said they had even agreed that if the sum collected for the month was enough, there would be no need to collect further contributions for the month. "This would mean we would suspend the collection itself." At 0.2%, the collection per year would amount to RM600 million, which is more than sufficient to pay the non-payment of termination benefits. "He said the minister and ministry were supposed to meet with stakeholders to discuss in detail some of the issues that remained unresolved before the matter was re-tabled in Parliament. "I can say that there was no such meeting to meet the stakeholders called by the ministry." Shamsuddin added that the employers had no disagreements with what was agreed upon during the meeting. "But now the ministry is not keeping to what was agreed during the meeting we had."

## **AKHBAR : FREE MALAYSIA TODAY**

### **PSM tells Minister not to be cowed by employees over EIS**

**PETALING JAYA:** PSM has called on Human Resources Minister Richard Riot not to be "threatened" by employers opposing the introduction of the Employment Insurance System (EIS) that would require them to contribute regularly to their workers' welfare. Its central committee member S Arutchelvan said the government should have the political will to implement the EIS bill, to be managed by the Social Security Organisation (Socso), as it would be a "safety net" legislation similar to the Employees Provident Fund (EPF) and Socso.

He said Riot should not be shocked or surprised by the employers' attitude in opposing even their revised monthly contribution rate from 0.5% of a worker's salary to just 0.2%. "The employers would do everything in their power to halt and delay the implementation of the EIS bill which is to be tabled in the coming Parliament sitting. "For the employers, it is in their interest to go against anything which goes against their profits and they will fight for every sen, however small it may be," Arutchelvan said in a statement today. Earlier today, Riot said he was disappointed that employers were still opposing the scheme despite the lowering of the monthly contribution rate.

"If the EIS does come into effect, retrenched private sector workers can then receive temporary financial assistance for up to six months, and during this period, Socso actively helps them connect with potential employers to ensure they find another job as soon as possible. "If we leave retrenched workers without any form of assistance, it will be extremely detrimental for not just the affected families, but also to society and to the economy," he was quoted as saying by The Star. On Oct 11, Riot had said the bill was expected to be tabled in Parliament on Oct 24.

Prime Minister Najib Razak announced the scheme in March, which he said would benefit around 6.5 million local employees in the private sector. Arutchelvan said not implementing the EIS in the coming Parliament sitting would only paint an "ugly picture" that the ruling party was putting employers' profits above the well-being of the working people. He said attempts to delay and frustrate the implementation of the EIS should not be taken lightly or condoned.

"By bringing down the contribution of 0.5% to 0.2%, the government has met with the key demand of the bosses," he said. "Safety net legislation is important to safeguard the interest of the workers who are the majority of the workforce. In most countries, such retrenchment funds are the norm," he added.